

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 30 November 2019 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2019 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Dinamik aims to provide investors with capital appreciation by investing in a Sub-Fund called Eastspring Investments Dana Dinamik. The Fund provides exposure to investments in Shariah approved equities and equity related securities. For defensive considerations, the Fund may invest in Shariah-approved debentures and money market instruments.

Takafulink Dana Dinamik ini bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal kepada pelabur dengan melabur dalam satu Sub-Dana iaitu Eastspring Investments Dana Dinamik. Dana ini memberi pendedahan kepada pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti. Sebagai pertimbangan defensif, Dana boleh melabur dalam debentur yang diluluskan oleh Syariah dan instrumen pasaran wang.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Dana Dinamik	98.92
2 Cash, Deposits & Others	1.08

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	08/01/2018
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM2,744,030.90
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.25% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM0.98196

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Dinamik Vs. 50% FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMS) +50% Maybank 12-months Islamic Fixed Deposit-i



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-1.86%	-0.21%	-0.48%	2.57%	NA	NA	-1.80%
Benchmark / Penanda Aras	-0.88%	-0.96%	-0.07%	1.50%	NA	NA	-4.71%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.98%	0.75%	-0.41%	1.07%	NA	NA	2.91%

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 30 November 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2019 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equities

Market Review

Global equities rallied further in November lifted by improved sentiments on the trade war front, whilst the Asia Pacific regional equity markets were rather flattish for the month. The FBM Shariah Emas Index on the other hand whilst started the month of November on a positive note, but ended lower, on the back of passive outflows due to MSCI Emerging Market index rebalancing activities estimated net outflow of US300-400m. Results reporting for 3Q2019 was uninspiring, which will likely see the KLCI earnings for 2019 report another year of negative growth (2018: -2.8%).

The FBM Shariah Emas Index declined 2.01% mom in November 2019 to close at 11592.5 points. The FBM Shariah Small Cap index declined 2.02% for the month performing in-line with the FBM Shariah Emas index. Foreign investors were net sellers again of equities for the month of November of RM1.5bn, making the YTD net foreign outflow of RM9.8bn from equities.

Market Outlook

The month of December generally is a positive month for the local bourse with the KLCI registering positive performances on nine occasions over the last 10 years, usually benefiting from window dressing activities. However, this December may be a challenge, hampered by the last index rebalancing by FTSE regionally (expected to be effective 20 Dec 2019), in addition to uncertainty surrounding the trade deal Phase 1 and its related rhetoric. We continue to expect volatility for the Malaysian equity market driven not only by external headwinds, but local politics continue to be distracting. Whilst we maintain a relatively cautious outlook, we are hopeful that there could be some earnings recovery in 2020, given the dismal and uninspiring growth seen for the last 3-4 years. Despite this potential green-shoot, we are cognizant of the risks of our own making, such as the increasing government interference in commercial negotiations causing disruptions, policy flip-flops or weak messaging resulting in confusion amongst the market players, and distracting political infighting. Nevertheless, we remain focused on accumulating fundamentally sound stocks on weakness.

Ekuiti

Tinjauan Bulanan

Ekuiti global terus meningkat pada bulan November, diangkat oleh sentimen yang lebih baik dari sudut perang perdagangan, manakala prestasi pasaran ekuiti rantau Asia agak mendatar pada bulan tersebut. Pada masa yang sama, KLCI memulakan bulan November dengan nada positif, namun ditutup lebih rendah, susulan aliran keluar yang pasif ekoran aktiviti pengimbangan semula indeks MSCI Emerging Market, lalu menyebabkan aliran keluar bersih sejumlah USD300 hingga 400 million. Laporan prestasi 3Q2019 yang tidak memberangsangkan memungkinkan laporan pendapatan KLCI untuk tahun 2019 mencatat satu lagi tahun pertumbuhan yang negatif (2018: -2.8%).

Indeks FBM Shariah Emas merosot 2.01% bulan ke bulan pada November 2019 lalu ditutup pada 11,592.5 mata. Indeks FBM Shariah Small Cap yang susut 2.02% selari dengan indeks FBM Shariah Emas. Pelabur asing sekali lagi menjadi penjual bersih ekuiti bagi bulan November dengan jumlah RM1.5 bilion, maka menjadikan aliran keluar bersih dari ekuiti sebanyak RM9.8 bilion YTD.

Gambaran Bulanan

Bulan Disember secara amnya merupakan bulan yang positif bagi bursa tempatan dengan KLCI mencatatkan prestasi positif buat sembilan kali dalam tempoh 10 tahun yang lalu, kebiasaannya mendapat manfaat daripada aktiviti hiasan luar. Walau bagaimanapun, Disember mungkin mencabar, terjejas oleh pengimbangan semula indeks oleh FTSE serantau (dijangka akan berkuatkuasa mulai 20 Disember 2019) buat kali terakhir, menambah kepada ketidakpastian mengenai perjanjian perdagangan Fasa 1 dan retorik yang berkaitan. Kami terus menjangkakan ketidaktentuan bagi pasaran ekuiti Malaysia didorong bukan sahaja oleh ribut luaran, malah perkembangan politik tempatan yang terus mengganggu. Meskipun kami mengekalkan prospek berwaspada, kami masih menaruh harapan kepada pemulihan pendapatan pada tahun 2020, memandangkan pertumbuhan yang suram dan tidak mengujakan dilihat sepanjang 3 hingga 4 tahun yang lalu.

Walaupun pucuk baharu berpotensi mencambah, kami menyedari tentang risiko yang kita ciptakan sendiri, seperti campur tangan kerajaan yang semakin besar dalam rundingan komersial, yang menyebabkan gangguan, dasar yang tidak menentu atau penyampaian mesej yang lemah yang membuahakan kekeliruan dalam kalangan pemain pasaran serta mengalih perhatian daripada perbalahan politik dalaman. Namun begitu, kami tetap fokus untuk mengumpul saham berasas kukuh pada harga yang rendah.

Fixed Income

Market Review

Malaysia sovereign bond curve continued to steepen in November where yields for 3-years and 5-years MGS dropped sharply by 10-15 bps to close at 3.05% and 3.18%, respectively. The yields on the tail part of the curve however saw mixed marginal changes – the 10-years' yield was 1bp higher at 3.42% while the 15-years' yield on the other hand was 1bp lower at 3.68%. Despite yields in the global bond market going higher during the month on the back of high optimism on the US-China phase one trade deal, the domestic bond market was rather supported where foreign flows were quoted going into local short-dated bonds, likely tracking to Ringgit strengthening move in the earlier part of the month. While direction of local market over the medium-term will largely be contingent upon domestic factors e.g. BNM monetary policy and potential index exclusion in March 2020. In the near term, movements in the bond market would likely track the broader global sentiment on the back of many lingering uncertainties. MGII yield curve also generally steepened in the month, as 5-years moved 10bps lower to 3.24%, 10-years moved 3bps higher to 3.50% and 15-years moved lower by 3bps to close at 3.77%.

Market Outlook

In December, there will be a re-opening of 15-year MGS with no government bond maturity. Despite the weaker bid-to-cover ratios seen in the recent government bond auctions as compared to those seen in 9M19, the demand for the final government bond auction for 2019 will likely be firm on back of ample domestic liquidity.

On the corporate bond front, the pickup in new issuances is expected to be sustained into the year end amidst the relatively low-interest rate environment which is still favorable for issuers. We expect demand for corporate bonds to remain strong due to 1) scarcity of quality corporate bond supply and 2) ample domestic liquidity.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 30 November 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2019 melainkan jika dinyatakan

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Kelompok bon kerajaan Malaysia masih lagi turun pada bulan November, dengan hasil MGS 3 tahun dan 5 tahun jatuh ketara sebanyak 10 hingga 15 bps lalu masing-masing ditutup pada 3.05% dan 3.18%. Hasil di bahagian hujung kelompok bagaimanapun mengalami perubahan marginal yang bercampur-campur - hasil 10 tahun adalah 1bp lebih tinggi pada 3.42%, manakala hasil 15 tahun adalah 1bp lebih rendah pada 3.68%. Walaupun hasil dalam pasaran bon global semakin meningkat pada bulan ini susulan tahap optimistik yang lebih tinggi berkaitan fasa pertama perjanjian perdagangan AS-China, pasaran bon domestik pula disokong aliran asing yang dilihat menyaluri bon jangka pendek tempatan, berkemungkinan ia menjejaki langkah pengukuhan Ringgit pada bahagian awal bulan ini. Walaupun arah pasaran tempatan dalam jangka sederhana sebahagian besarnya akan bergantung kepada faktor domestik misalnya dasar monetari BNM dan kemungkinan pengecualian indeks menjelang bulan Mac 2020. Dalam jangka masa terdekat, pergerakan pasaran bon berkemungkinan akan menuruti sentimen global yang lebih luas berikutan ketidakpastian yang berlarutan.

Kelompok hasil MGII juga pada umumnya tambah mencuram pada bulan ini, apabila kelompok 5 tahun berganjak 10bps lebih rendah kepada 3.24%, 10 tahun bergerak 3bps lebih tinggi kepada 3.50% dan 15 tahun bergerak lebih rendah sebanyak 3bps lalu ditutup pada 3.77%.

Gambaran Bulanan

Pada bulan Disember, MGS 15 tahun akan dibuka semula dengan ketiadaan bon kerajaan yang akan matang. Meskipun nisbah bida kepada penawaran dilihat lebih lemah semasa lelongan bon kerajaan baru-baru ini berbanding dengan yang dilihat pada 9M19, permintaan terhadap lelongan bon kerajaan yang terakhir bagi 2019 mungkin akan kukuh berdasarkan kecairan domestik yang mencukupi. Meninjau bon korporat, penambahan terbitan baharu apabila perubahan didapati tidak menyebelahi dinamik syarikat. Kami menyukai syarikat-syarikat yang terurus dengan baik yang disokong oleh kunci kira-kira yang sihat dan aliran tunai yang kukuh di samping pertumbuhan pendapatan yang baik lagi lestari, sebaiknya didagangkan pada penilaian yang menarik. Untuk pendapatan tetap pula, Dana akan melihat untuk mengambil bahagian dalam terbitan berkualiti yang terpilih bagi menambahkan hasil.

Fund Review & Strategy

The Fund returned -1.86% for the month, underperforming the benchmark return of -0.88% by 0.98%. Year-to-date, the fund returned 4.43%, outperforming the benchmark return of 1.92% by 2.51%.

The underperformance in November was mainly due to negative asset allocation and stock selection in the underlying fund.

We continue to look for new stock ideas and may take gains on profitable positions and/or exiting positions which have seen unfavourable changes to the company dynamics. We like well managed companies backed by healthy balance sheets and strong cash flow with decent and sustainable earnings growth, preferably trading at attractive valuations. For fixed income, the Fund would look to participate in selected quality issuances for yield pick-up.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana mencatatkan pulangan -1.86% untuk bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.88% sebanyak 0.98%. Sejak awal tahun hingga kini, Dana memulangkan 4.43%, mengatasi pulangan penanda aras 1.92% sebanyak 2.51%.

Prestasi hambar pada bulan November disebabkan oleh peruntukan aset yang negatif dan pemilihan saham dalam dana pendasar.

Kami terus mencari idea saham baharu dan mungkin mengambil keuntungan pada kedudukan yang menguntungkan dan / atau melepaskan pegangan apabila perubahan didapati tidak menyebelahi dinamik syarikat. Kami menyukai syarikat-syarikat yang terurus dengan baik yang disokong oleh kunci kira-kira yang sihat dan aliran tunai yang kukuh di samping pertumbuhan pendapatan yang baik lagi lestari, sebaiknya didagangkan pada penilaian yang menarik. Untuk pendapatan tetap pula, Dana akan melihat untuk mengambil bahagian dalam terbitan berkualiti yang terpilih bagi menambahkan hasil.

Source / Sumber: Fund Commentary, November 2019, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL